

# Sikap MCA tidak halang BI dalam Metamatik, Sains — Aziz

Oleh ROSNI HASSAN

UM 21 OCT 2002

LANGKAWI 20 Okt. — Kementerian Pendidikan tidak menolak kemungkinan meneruskan dasar pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris di sekolah kebangsaan walaupun MCA kelmarin sebulat suara menentang langkah tersebut.

Timbalan Menteri, Datuk Abdul Aziz Shamsudin berkata, kerajaan tidak akan campur tangan dalam urusan pihak lembaga sekolah Cina dan jika mereka serta MCA menolak cadangan kerajaan itu maka kerajaan akan meneruskannya di peringkat sekolah kebangsaan.

“Saya tetap berpegang dengan seruan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad iaitu untuk masa depan anak-anak, kita jalankan di sekolah kebangsaan (terlebih dulu) kerana sekolah Cina ada lembaganya.

“Kita tidak akan campur tangan dengan urusan lembaga sekolah Cina itu dan kita ikut nasihat Perdana Menteri, ajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah kebangsaan iaitu darjah 1, tingkatan 1 dan tingkatan enam rendah,” katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas menutup Seminar Tadbir Urus Koperasi anjuran Koperasi Usaha Bersama (Kosama) dan Gabungan Koperasi Guru Nasional (Gakogunas) yang dihadiri 60 peserta, di sini hari ini.

Abdul Aziz diminta mengulas laporan akhbar mengenai keputusan Jawatankuasa Pusat MCA kelmarin yang sebulat suara menentang cadangan kerajaan menggunakan bahasa Inggeris dalam pengajaran Matematik dan Sains di semua sekolah rendah jenis kebangsaan Cina mulai tahun depan.

Mengulas lanjut, Timbalan Menteri Pendidikan itu berkata, kerajaan masih belum sampai ke peringkat kecewa dengan keputusan MCA tersebut dan beliau yakin masih ada ruang untuk isu itu dibincangkan demi masa depan generasi muda di negara ini.

“Kita belum sampai ke peringkat kecewa kerana kita masih menyangka ada ruang untuk mereka berfikir demi masa depan anak-anak.

Mengenai alasan MCA yang mahukan penggunaan bahasa Inggeris untuk mengajar Matematik dan Sains bermula di peringkat sekolah menengah, beliau berkata:

“Saya pernah kata kalau kita ikhlas, tidak ada agenda politik, tidak ada kepentingan diri, tidak ada perasaan tamak dan lain-lain unsur, hendak melentur buluh mesti dari rebung.”